



IBU PEJABAT,
JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT,
MALAYSIA,
LEBUH WAWASAN, PRESINT 7,
62250 PUTRAJAYA


Telefon : 603-88880036
Faks : 603-88927977
Laman Web : www.bomba.gov.my
E-mail : bkkjbpm@bomba.gov.my



Ruj Tuan :
Ruj Kami : JBPM/IP/BKK:700-2/6/1 Jld.5(44)
Tarikh : 23 JAN 2015

YS Pengarah,

Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Kuala Lumpur
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Selangor
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Johor
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Pulau Pinang
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Kedah
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Pahang
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Perak
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Sarawak
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Sabah
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Melaka
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Kelantan
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Terengganu
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Sembilan
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Perlis
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia W.P. Labuan
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia W.P. Putrajaya



Th. Adnan
Uthi dedek
kepd Renc ket
M. P. P. B. B. B.
Ny. P.
26/1

YS Dato'/Tuan,

DINDING DUA PIHAK (PARTY WALL) BAGI RUMAH MAMPU MILIK (KOS RENDAH)

Saya dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Memaklumkan bahawa pembinaan dinding dua pihak (party wall) bagi rumah mampu milik atau dahulunya dikenali sebagai rumah kediaman kos rendah yang hanya dibina sehingga bawah paras bumbung hendaklah tidak diteruskan lagi pembinaanya, sebaliknya hendaklah dinaikkan sembilan inci / 230mm melebihi paras bumbung. Sehubungan dengan itu, garis panduan yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah bertarikh 23 September 1985 hendaklah tidak dijadikan rujukan mulai dari tarikh surat ini dikeluarkan. Sebetulnya perkara ini telah dibincangkan dan diputuskan di dalam Mesyuarat Penolong Penolong Pengarah Bahagian Keselamatan Kebakaran Bil. 2/2013, tetapi masih ada negeri-negeri mengamalkan pembinaan Dinding Dua Pihak ini sehingga bawah paras bumbung sahaja.

"CEPAT DAN MESRA"



3. Fungsi Dinding dua Pihak adalah sebagai pembalik (*flame deflector*) untuk menahan kemerebakan api di antara unit kediaman samada rumah berkembar atau teres atau pangsapuri. Pembinaan Dinding Dua Pihak ini hendaklah merujuk kepada klausa 86 (3), Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam (UBBL) 1984 dan Klausa 141 (3), UBBL 1984 Pindaan 2012 semua dinding dua pihak hendaklah dilanjutkan ke bahagian atas permukaan bumbung itu sejauh tidak kurang daripada 230 milimeter pada sudut tepat dengan permukaan atas itu manakala Klausa 63 (3) Sarawak Building Ordinance (SBO) 1994 menyatakan *all party wall shall be carried above the upper surface of the roof to a distance of not less than 230 milimetres at right angles to such upper roof seperti di lampiran 1.*

4. Sehubungan itu, pihak YS Dato'/Tuan perlulah memastikan semua Dinding Dua Pihak dilanjutkan ke bahagian atas permukaan bumbung sejauh tidak kurang daripada 230 milimeter pada sudut tepat dengan permukaan atas bumbung rumah tersebut. Sebagai memudahkan rujukan, "Lampiran 1" menunjukkan kedudukan sebenar Dinding Dua Pihak manakala "Lampiran 2" pula menunjukkan bentuk 'T' yang sampai di bawah paras bumbung yang tidak lagi dibenarkan untuk digunakan sebagai Dinding Dua Pihak.

Sekian, terima kasih

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"1 Malaysia" Rakyat didahulukan. Pencapaian diutamakan.

Saya yang menurut perintah,



(DATO' RUSMANI BIN MUHAMAD)

Pendolong Ketua Pengarah


Bahagian Keselamatan Kebakaran

Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.


- s.k.
- i. YAS Ketua Pengarah
 - ii. YAS Timbalan Ketua Pengarah (Operasi)
 - iii. YAS Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan)

LAMPIRAN 1

PEMBINAAN DINDING DUA PIHAK MENURUT UBBL / SBO



Rajah 1 menunjukkan Dinding Dua Pihak / Pengasing dinaikkan melebihi 230mm di atas paras bumbung



Rajah 2 keratan rentas menunjukkan Dinding Dua Pihak / Pengasing yang mempunyai ketinggian melebihi 230mm.